

TEKS UCAPAN

**PROF. DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA MAJLIS PENGHARGAAN
JAWATANKUASA PENGEMASKINIAN
MODUL/KURIKULUM/SILIBUS**

**23 OKTOBER 2017 (ISNIN) | 10.30 PAGI
D'SIREH, BLOK UTARA BANGUNAN CANSELORI**

Terima kasih saudara pengacara majlis,
Assalamualaikum W.B.T., selamat pagi, salam
sejahtera dan salam negaraku sehati sejiwa.

Salutasi

1. Yang Berusaha En. No'man Hj. Ahmad
Pendaftar UMS,
2. Yang Berusaha Puan Zallifah Shadan
Bendahari UMS,

3. Dekan-dekan Merangkap Ahli Lembaga Pengelola Pusat Minda Lestari
4. Yang Berusaha Pn. Aidah Nordin,
Pengarah Pusat Minda Lestari
5. Yang Berusaha Dr. Connie Chin @ Connie
Cassy Ompok merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Pengemaskinian
Modul/Kurikulum/Silibus PML

6. Ahli-ahli Jawatankuasa Pengemaskinian Modul/Kurikulum/Silibus PML serta Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, pertama sekali marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya maka dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Penghargaan Jawatankuasa Pengemaskinian Modul/Kurikulum/Silibus pada pagi ini. Sekalung tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada Pusat Minda Lestari (PML) kerana telah berjaya menganjurkan majlis pada hari ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua hadirin yang hadir terutamanya kepada pelajar-pelajar Fakulti Psikologi dan Pendidikan yang saya difahamkan juga terlibat dalam pengemaskinian beberapa modul/kurikulum/silibus PML agar sentiasa relevan dengan perkembangan pendidikan semasa negara.

Hadirin dan hadirat sekalian

Saya difahamkan yang Jawatankuasa Pengemaskinian Modul/Kurikulum/Silibus PML diwujudkan pada awal tahun 2016 dengan menggabungkan kepakaran ahli-ahli akademik daripada Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Fakulti Sains dan Sumber Alam dan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan.

Gabungan kepakaran ahli-ahli akademik ini merupakan satu transformasi PML ke arah penyediaan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti dalam menjadikan PML sebagai pusat perkembangan kanak-kanak yang cemerlang dan memberikan nilai tambah kepada kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KPSK) sedia ada bagi memastikan kualiti keberhasilan kanak-kanak dapat ditingkatkan.

Pengemaskinian modul/kurikulum/silibus PML bukan sahaja memfokuskan kepada pengukuhan kemahiran kanak-kanak, tetapi juga membina keterampilan modal insan melalui modul setiap tunjang seperti tunjang kerohanian, kemanusiaan, komunikasi, keterampilan dan kreativiti.

Bagi pihak universiti, saya merakamkan syabas dan tahniah kepada semua ahli Jawatankuasa Pengemaskinian Modul/Kurikulum/Silibus PML yang telah berjaya menghasilkan satu kerangka modul/kurikulum/silibus yang baru seperti berikut:

- i. Garis Panduan Pengajaran Untuk Murid Prasekolah

- ii. Kompilasi Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (*Daycare* dan *Transit*)
- iii. Modul Pentaksiran Murid Prasekolah
- iv. Garis Panduan Aktiviti Sukan Murid Prasekolah
- v. *Pre-Kindergarten Module (3-4 Month Years Old)*
- vi. Modul Taska (3 Bulan - 1 Tahun)

Modul/kurikulum/silibus yang saya sebutkan tadi dan dengan adanya usaha dari semasa ke semasa untuk sentiasa mengemas kini modul/kurikulum/silibus yang ada mampu menjadikan PML sebagai sebuah pusat penjagaan dan pembelajaran yang terbaik di rantau Borneo seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan PML 2016-2020.

Saya percaya dengan kepakaran ahli akademik dan pentadbir yang ada di UMS, hasrat ini akan menjadi kenyataan. Insya-Allah.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang bekerja keras dalam memastikan usaha mengemas kini modul/kurikulum/silibus PML dapat disiapkan dan dilancarkan pada hari ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.